

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/1/2011

'GM hanya tumpang PROTON'

Syarikat automotif AS mahu
guna kilang: Dr Mahathir

Oleh Wan Jailani Razak,
Khairul Azran Hussin
dan Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Penasihat Proton Holdings Bhd (PROTON), Tun Dr Mahathir Mohamad (kanan) semalam menafikan dakwaan General Motors Corp (GM) akan mengambil alih peratusan kepentingan pemilikan kilang pengeluaran syarikat nasional itu di Tanjung Malim, Perak.

Beliau berkata, gergasi automotif berpangkalan di Detroit, Amerika Syarikat itu akan menggunakan kilang berkenaan sebagai pusat pengeluaran mereka.

"GM hendak guna kapasiti kita untuk kurangkan kos. Kalau dia keluarkan kereta di Amerika Syarikat, mereka tidak boleh bersaing dengan kereta Jepun, Korea dan China yang tawarkan harga murah tetapi berkualiti.

"Pengurusan PROTON sedang bincang lagi dan kita akan tengok komitmen kedua-dua pihak dan akan umumkan nanti.

"Banyak perkara perlu dibincang untuk mencapai situasi menang-menang," katanya selepas majlis Pertemuan Perdana Menteri Bersama Warga Industri Selangor, di Pusat Kecemerlangan PROTON di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya spekulasi mengaitkan PROTON yang dikatakan sedang berunding dengan gergasi automotif berpangkalan di Detroit, Amerika Syarikat itu mengenai kemungkinan menjual 50 peratus kepentingan pemilikannya dalam kilang pengeluarannya di Tanjung Malim, Perak.

Dr Mahathir berkata, kerjasama dengan syarikat besar perkara baik dan mendatangkan faedah kerana GM memiliki teknologi tinggi.

"Apabila sudah bekerjasama, secara automatik akan berlaku pemindahan teknologi," katanya.

Mengulas bidaan ekuiti milik kepada Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dalam PROTON, beliau berkata, syarikat yang ingln membida



perlu mempunyai kapasiti menyokong syarikat kereta nasional itu.

"Kita perlukan mereka yang boleh fokus kepada PROTON. Khazanah banyak pelaburan dan tidak boleh tumpu PROTON kerana PROTON perlukan perhatian dan duit.

"Dalam industri ini, jangan cakap RM1,000 atau RM2,000 kerana kita perlu RM100 juta dan RM200 juta," katanya.

Beliau berkata, PROTON tidak membeli Khazanah dan apa yang mungkin berlaku ialah 'pengambilalihan oleh kumpulan pengurusan' (MBO).

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, ledakan maklumat dan sumber ilmu hari ini hanya memberi manfaat jika rakyat berupaya melakukan pemilihan dan perkongsian terhadap input bernilai baik, manakala kegagalan menapis maklumat yang diperoleh pula cenderung menjerumuskan dunia ke arah kemudatan sejagat.

Beliau berkata, banyak bukti menunjukkan kerosakan masyarakat berpunca akibat ketidakupayaan memilih maklumat sehingga mencetuskan pelbagai masalah lain seperti gejala sosial dan ketempangan ekonomi.

"Tidak menghairankan apabila indeks jenayah semakin tinggi khasnya membabitkan seksual seperti buang bayi, rogol dan cabul pada masa ini, kerana masyarakat khususnya generasi muda gagal memilih sumber ilmu dan maklumat dalam internet, sebaliknya lebih terpengaruh kepada maklumat bernilai buruk seperti bahan lucah," katanya.